

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	24 FEB 2015

Kepentingan rakyat Kelantan dibincang



Najib menyerahkan watikah pelantikan kepada Johan sambil disaksikan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed pada majlis penyerahan watikah kepada 26 anggota tiga badan bebas SPRM di Putrajaya, semalam. [FOTO BERNAMA]

» **PM terima kunjungan Ahmad Yaakob kali kedua**

Oleh Haspaizi Mohd Zain
haspaizi@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Datuk Seri Najib Razak berkata, kepentingan rakyat sentiasa menjadi keutamaan dalam melaksanakan sebarang program kerajaan.

“Insya-Allah, Kerajaan Persekutuan akan sentiasa meletakkan kepentingan rakyat paling utama dalam sebarang perkara,” tulis Perdana Menteri dalam laman sosial Fa-

cebooknya semalam.

Najib berkata, beliau menerima kunjungan Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yaakob di pejabatnya di Putrajaya bagi membincangkan beberapa isu berkaitan kepentingan rakyat negeri itu.

“Bersama Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yaakob petang tadi (semalam), di Putrajaya bagi membincangkan beberapa perkara berkaitan kesejahteraan rakyat Kelantan,” katanya.

Ini adalah kali kedua Menteri Besar Kelantan itu mengunjungi pejabat Perdana Menteri selepas mengambil alih pentadbiran kerajaan negeri daripada Allahyarham Datuk Nik Aziz Nik Mat.

Watikah pelantikan

Sementara itu, Najib menyampaikan watikah pelantikan 26

anggota tiga badan bebas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), di Putrajaya.

Pelantikan yang 19 daripadanya muka baharu adalah bagi menganggotai Panel Penilaian Operasi, Jawatankuasa Aduan dan Panel Perundangan dan Pencegahan Rasuah.

Tempoh pelantikan anggota Panel Penilaian Operasi dan Jawatankuasa Aduan masing-masing dua tahun, manakala Panel Perundangan dan Pencegahan Rasuah setahun.

Anggota Panel Penilaian Operasi terdiri daripada bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Tan Sri Dr Hamid Bugo; Pengerusi New Straits Times Press (M) Bhd, Tan Sri Mohamed Jawhar Hassan; Pengerusi Bank Islam (M) Bhd, Datuk Zamani Abdul Ghani; bekas Timbalan Ketua Audit Negara, Datuk Azizah Arshad dan be-

kas Ketua Pengarah Biro Pengaduan Awam, Datuk Wan Abdul Wahab Abdullah; Pengarah Institut Penyelidikan Perakaunan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof Dr Normah Omar; Prof Madya Fakulti Kriminologi Universiti Sains Malaysia (USM), Dr Sundaramoorthy M Pathamanathan dan bekas Presiden Majlis Peguam, Lim Chee Wee.

Senarai anggota panel

Anggota Panel Perundangan dan Pencegahan Rasuah pula ialah Pengerusi Media Prima Bhd, Tan Sri Johan Jaaffar; Presiden Universiti Limkokwing, Tan Sri Dr Lim Kok Wing; Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Datuk Dr Marimuthu Nadason; Pengerusi Kumpulan Media Karangkraf, Datuk Dr Husamuddin Yaacob; Timbalan Setiausaha Agung Kehormat Gabungan Pertubuhan China-Malaysia (Huazong), Datuk Prof Dr Chin Yew Sin.

Peguam Bela dan Peguam Cara, Datuk Zuraidah Atan; bekas Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz; bekas Ketua Pengarah Biro Pengaduan Awam, Datuk Khalid Ibrahim; Presiden Institute of Marketing Malaysia, Datuk Sharifah Mohd Ismail dan bekas Pengarah Kolej Right Livelihood USM, Datuk Dr Anwar Fazal.

Pensyarah Fakulti Perakaunan UiTM, Prof Dr Syed Noh Syed Ahmad; Pensyarah Komunikasi dan Pengajian Media UiTM, Prof Madya Dr Ismail Sualman; bekas Presiden Institut Audit Dalaman Malaysia Walter Sandosam dan Pengarang The Sun Daily, R Nadeswaran.

Anggota Jawatankuasa Aduan ialah bekas Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Tan Sri Wilson Baya Dandot; bekas Setiausaha Persekutuan Sabah, Datuk Mohammad Hatta Abd Aziz; bekas Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Ahmad Said dan Rohani Abdul Kadir.

BH-24/2/2015